

16/06/2003

Orang asing perlu keluar dari bumi Iraq: Erdogan

A Ghani Nasir

SOALAN: Tuan Perdana Menteri, terima kasih kerana sudi untuk ditemubual. Memandangkan ini adalah kunjungan pertama anda ke Malaysia, apakah pandangan anda mengenai negara kami, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan mengambil alih Oktober ini?

ERDOGAN: Pertamanya, hubungan di antara Turki dan Malaysia telah terjalin sejak bertahun-tahun lalu. Kami ingin mengucapkan terima kasih kerana layanan baik dan kemurahan hati yang diberikan kepada saya, menteri

Kabinet saya, anggota Parlimen Turki dan seluruh anggota lain rombongan kami. Anda betul, ini adalah kunjungan pertama saya sebagai Perdana Menteri Turki kerana saya pernah ke sini sebelum ini, iaitu kira-kira tiga

tahun lalu. Saya lihat Malaysia telah pesat membangun. Dr Mahathir telah memberi sumbangan besar kepada Malaysia dari segi keazaman politik dan pembangunan. Sudah tentu kami melihat semua ini dengan penuh penghargaan,

daripada perubahan yang saya saksikan sepanjang tiga tahun lalu. Saya fikir proses pertumbuhan dan pembangunan ini akan berterusan. Apabila saya

menemui (Abdullah) Badawi semalam, beliau memberitahu akan meneruskan dasar dan pembaharuan oleh Dr Mahathir yang dengan sendirinya bermakna kestabilan akan berterusan dan kemajuan negara terjamin. Saya harap kunjungan saya ini akan membawa kepada hubungan lebih baik di antara dua negara kita dan menjadi lebih mesra lagi membawa kepada kemakmuran bagi kedua-dua negara.

SOALAN: Anda memang betul (bahawa) kita mempunyai hubungan yang begitu lama. Perdana Menteri kami yang ketiga (Tun Hussein Onn) mempunyai darah campuran Turki. Nenek beliau berketurunan Turki. Bolehkah anda berkongsi dengan kami, perkara utama yang dibincangkan dengan Dr Mahathir dan Abdullah Badawi? Apakah yang anda harap dapat diperolehi daripada hubungan dua hala?

ERDOGAN: Dr Mahathir menghuraikan mengenai proses demokrasi di Malaysia

dan bagaimana kestabilan dan pertumbuhan ekonomi dicapai. Kami juga membincangkan prospek hubungan masa depan di antara dua negara dan juga menyentuh isu antarabangsa seperti Afghanistan, Iraq dan Cyprus. Kami turut membincangkan persidangan OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) akan datang di Kuala Lumpur pada Oktober. Kami juga bercakap mengenai apa yang

dapat dilakukan oleh Malaysia dan Turki secara bersama. Ada banyak yang kami dapat sumbangkan kepada Malaysia dan Malaysia boleh sumbangkan kepada kami.

SOALAN: Adakah anda lihat banyak persamaan dasar di antara dua negara kita dalam isu seperti OIC dan dalam isu berhubung Iraq dan Afghanistan?

ERDOGAN: Beliau (Dr Mahathir) menyokong pendirian Turki mengenai isu-

isu

itu. Beliau berkata Malaysia menghargai cara Turki sebagai negara bersempadan dengan Iraq, menangani krisis Iraq. Pandangan kami mengenai isu ini adalah sama, terutama pentingnya dipelihara kedaulatan Iraq dan hakikat bahawa tidak harus ada satu pun kumpulan etnik di Iraq yang menguasai kumpulan lain. Hasil daripada sumber asli Iraq adalah milik semua rakyat negara itu dan satu bancian penduduk harus diadakan di Iraq secepat mungkin di bawah kawalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Satu perlembagaan baru harus digubal. Pilihan raya tempatan harus diadakan berlandaskan demokrasi dengan penyertaan semua rakyat Iraq. Dan semua orang asing sepatutnya keluar dari bumi Iraq. Sudah tentunya harus diwujudkan perdamaian dan keamanan di negara itu. Nampaknya di Afghanistan, suasana aman hanya wujud di Kabul. Pasukan Turki berada di sana sebagai sebahagian daripada tentera antarabangsa selama lapan bulan dan sebaik saja mereka keluar dari Afghanistan, kekacauan timbul semula. Jerman dan Belanda sedang cuba menyediakan kawalan keselamatan di sana dan mereka menghadapi banyak masalah.

SOALAN: Adakah anda merancang menghantar semula pasukan pendamai Turki?

ERDOGAN: Kami mahu membabitkan diri dalam pasukan pendamai sepanjang masa tetapi matlamat utama kami adalah memastikan Afghanistan mewujudkan perdamaian di kalangan rakyatnya sesama sendiri. Ada satu pepatah Turki yang berbunyi: 'Anda tidak boleh memerah susu dan mengangkat air serentak'. Jadi langkah ke arah mewujudkan demokrasi haruslah diambil yang akan membawa kepada huraiian kepada konflik secara aman di Afghanistan.

SOALAN: Apakah bidang hubungan baru dalam perdagangan dan pertahanan yang boleh diterokai oleh Malaysia dan Turki? Bagaimana pula dengan pendidikan dan pelancongan?

ERDOGAN: Kita boleh mengambil langkah yang membabitkan pelbagai aspek dan isu dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Jumlah perdagangan dengan Malaysia menjelang penghujung 2002 adalah AS\$350 juta dan matlamat pertama adalah meningkatkan nilai dagangan itu kepada AS\$1 bilion secepat mungkin.

Di sini kita bercakap mengenai kerjasama ekonomi, perdagangan, perindustrian dan pelancongan. Sebagaimana anda tahu, syarikat pembinaan Turki memiliki tahap teknologi yang tinggi dan kepakaran dalam industri membina kapal adalah antara yang termaju selain kepelbagaian makanan.

Kami

adalah pengeluar pelbagai jenis makanan. Kami ketika ini mengimport minyak

sawit dari Malaysia. Kita boleh tingkatkan kerjasama dalam bidang industri

berteknologi tinggi dan pendidikan dan kami amat menghargai hubungan dalam

pelancongan, kesenian dan kebudayaan bukan saja kerana nilai ekonominya tetapi ia mampu merapatkan hubungan di antara rakyat dua negara kita.

SOALAN: Jadi anda gembira dengan hubungan dengan Malaysia dan mahu ia dipertingkatkan?

ERDOGAN: Kita gembira tetapi mendapati ia tidaklah pada tahap yang diinginkan. Kerjasama di antara Malaysia dan Turki yang lebih mesra haruslah dipertingkatkan lagi kerana dengan langkah bersama yang kita

boleh ambil, kita boleh membuka ruang ke Asia di satu pihak dan Eropah pula di pihak lain dan kita juga boleh bekerjasama meneroka pasaran Amerika Latin dan juga Afrika.

SOALAN: Adakah anda menganggap Malaysia sebagai sebuah negara berfahaman sederhana atau sebuah negara Islam yang baru membangun?

ERDOGAN: Biarlah saya katakan saya melihat Malaysia sedang meningkatkan proses demokrasinya. Ia sebuah negara yang kaya dengan pelbagai budaya dan agama dan memang berhak untuk dihormati berikutan toleransi rakyatnya yang berbeza anutan dan budaya, di dalam Kabinet dan kerajaan, dan juga perpaduan dan kerjasama dalam perdagangan selain sikap saling menghormati di jalan raya mahupun di pasar. Ini amat penting - keseluruhan konsep ini - dan kejayaan mencapainya harus dipuji.

SOALAN: Interpretasi sempit ajaran Islam dan tidak kurang juga fahaman militan adalah masalah dihadapi kebanyakan negara Islam hari ini. Malaysia tidak terkecuali. Sebagai pemimpin sebuah parti Islam, apakah pandangan anda mengenai perkara ini dan juga Islam politikal?

ERDOGAN: Pertama biarlah saya perjelaskan dan saya berkongsi perkara ini dengan Dr Mahathir ketika makan majlis malam tempoh hari. Sewaktu kami menubuhkan parti kami di Turki, kami amat sedar satu fakta, iaitu 99 peratus daripada rakyat kami beragama Islam. Tetapi kami tidak menubuhkan sebuah parti berasaskan agama. Kami nyatakan kami menubuhkan sebuah parti yang akan mewujudkan keselamatan untuk semua agama dan meningkatkan hak asasi dan kebebasan untuk semua orang serta memberi kebebasan berfikir. Kami percaya bahawa Islam bukanlah agama yang boleh dieksploitasi untuk tujuan politik. Islam tidak memaafkan dan tidak menerima kekurangan dan kesilapan tetapi kami mempunyai kesilapan dan kekurangan. Jika seperti orang Eropah yang memiliki (parti) Kristian Demokrat, dan kita ada parti Demokratik Islam, semua kesilapan dan segala kesalahan yang dilakukan akan dipersalahkan kepada agama Islam. Sebagaimana anda tahu apabila orang Islam terbabit dengan kegiatan keganasan, ada kalangan yang cuba menyalahkan semua orang beragama Islam. Sebenarnya penganas wujud dalam pelbagai anutan agama sebagaimana di kalangan penganut Kristian, orang Yahudi dan bagaimana pula orang beragama Buddha. Banyak contoh lain boleh dicari. Apa yang penting dalam Islam, agama tidak membenarkan orang yang tidak mampu mempertahankan diri, kanak-kanak, wanita dibunuh. Islam adalah agama yang membela kehidupan yang menggalakkan kasih sayang dan keamanan.

SOALAN: Anda tidak perlu menjawab soalan ini tetapi adakah parti anda mempunyai sebarang hubungan dengan parti pembangkang Pas yang mendakwa parti Islam?

ERDOGAN: Dua bulan lalu saya menghantar beberapa rakan saya bagi

menemui

Umno dan perbincangan sudah hampir diselesaikan. Dan kami sedang memasuki

hubungan baru dengan Umno serta parti kami mahu bekerjasama dengan Umno.

SOALAN: Sejauh mana mantapnya demokrasi di Turki dan apakah peluang parti anda untuk dipilih semula memerintah?

ERDOGAN: Turki setakat ini menuju ke arah mencapai kestabilan dan demokrasi. Tidaklah begitu tepat jika saya katakan kita sudah mencapai kestabilan sepenuhnya tetapi kami berjuang ke arah itu dan akan mencapainya. Turki berjaya dalam usaha pendemokrasiannya dan hanya ada sedikit, satu atau dua negara saja di dunia, yang mampu menggabungkan kehendak Islam dengan demokrasi dan memenuhi keperluan penduduknya dengan

Turki salah sebuah daripada negara itu. Dan sebuah lagi adalah Malaysia.

SOALAN: Jadi tidak akan ada revolusi Islam di Turki?

ERDOGAN: Tidak.

SOALAN: Apakah anda melihat tamatnya pengaruh pihak tentera di Turki atau ia masih wujud tetapi ia terpendam?

ERDOGAN: Sejak penubuhan negara republik dengan sumbangan daripada pihak tentera, Turki memulakan satu era baru dalam pemodenannya dan saya boleh katakan ini akan berlanjutan dengan perubahan ke arah pemerintahan demokrasi pelbagai parti. Dan ketika proses ini, jika ada kekurangan dilakukan oleh ahli politik, tentera mengisinya dan pihak tentera diberikan keutamaan. Pihak tentera amat menghormati demokrasi dan hak awam.

SOALAN: Apakah peranan yang mahu dimainkan oleh Turki dalam hal-ehwal global sebagai sebuah negara Islam moden?

ERDOGAN: Sebagaimana yang saya katakan, Turki boleh bertindak sebagai model untuk menunjukkan bagaimana Islam dan demokrasi mampu wujud dalam suasana harmoni dan kami akan tunjukkan cara ini dapat dilaksanakan. Turki

juga mampu membuktikan betapa Samuel Huntington tersilap apabila menyatakan akan berlaku pertembungan peradaban. Turki boleh menjadi contoh

menunjukkan betapa keharmonian pelbagai peradaban boleh diwujudkan.

SOALAN: Apakah pandangan anda mengenai keganasan? Di mana silapnya orang

Islam, mengapakah kita begitu lemah dan berpecah belah?

ERDOGAN: Pertama sekali, Islam telah ditafsirkan dengan cara yang amat berbeza dalam masa sedekad lalu. Wujud kekurangan yang amat ketara dalam soal kekuasaan dan wujud pula perbezaan tafsiran. Ini menyebabkan lahirnya

golongan yang menyokong tafsiran sempit itu dan pengikut mereka bertambah.

Tidakkah anda fikirkan betapa Islam menggalakkan sains dan penyebaran maklumat di tahap paling tinggi sekali dan suruhan agama yang pertama sekali adalah "Bacalah". Tetapi apabila anda menilai pencapaian 1.5 bilion

umat Islam di seluruh dunia, anda akan lihat betapa rendahnya tahap celik

huruf dan penguasaan ilmu mereka. Ini saya kira adalah satu perkara yang amat menyedihkan di kalangan umat Islam hari ini. Dan di satu pihak lain kita bukanlah sebuah masyarakat yang berfikir. Mereka yang tidak

berfikir

tidak akan berpeluang untuk mencapai apa-apa. Kita perlu membuka jalan dalam satu platform bersama di peringkat antarabangsa bagi membanteras keganasan. Kita tahu apa itu keganasan dan kita mempunyai banyak pengalaman dalam menangani keganasan dan menjadi mangsanya.

SOALAN: Apakah anda optimis terhadap peluang Turki menyertai Kesatuan Eropah (EU) dan mampu memenuhi keperluan dan syarat bagi memulakan rundingan menjelang Disember 2004?

ERDOGAN: Bagi Turki, kita mahu membabitkan diri dalam pertubuhan antarabangsa seperti ini dan Kesatuan Eropah adalah satu daripadanya. Kami

berusaha sedaya upaya untuk menyertai EU tetapi kami bukanlah pihak yang akan membuat keputusan. Kami sedang berusaha melakukan yang terbaik untuk

memenuhi kriteria dan kami percaya rundingan dengan EU akan bermula pada penghujung 2004. Memang ada yang menyokong kami tetapi mereka mungkin tidak menyatakannya secara terbuka. Ada juga yang tidak menyokong tetapi kami tetap akan terus mencuba.

SOALAN: Apakah anda optimis?

ERDOGAN: Ya.

SOALAN: Apakah pandangan anda mengenai Cyprus, masa depan rakyat Cyprus

keturunan Turki, penyatuan semula pulau yang terbahagi dua itu dan kemasukannya ke dalam Kesatuan Eropah?

ERDOGAN: Turki menyokong penyelesaian yang kekal, adil dan saksama terhadap masalah Cyprus dan pada 2 dan 23 April lalu, Republik Turki Cyprus di utara telah membuka satu laluan di selatan dan kemudian laluan kedua di sempadan bagi membolehkan penduduk Cyprus keturunan Greek melawat

ke utara. Sejak itu, 350,000 penduduk di selatan telah berkunjung ke utara

dan 200,000 rakyat Cyprus keturunan Turki menyeberang sempadan ke selatan.

Kami juga membuka sempadan kami untuk kunjungan rakyat Cyprus keturunan Greek selepas 40 tahun pulau itu terbahagi dua. Ini adalah langkah yang amat penting. Selepas itu, pihak Cyprus keturunan Turki di utara telah membatalkan semula sekatan dagangan dengan pihak Greek di selatan dan sebagaimana anda tahu kami menyokong semua langkah berbaik-baik itu. Dan ketika sidang Balkan di Belgrade, saya membincangkan idea saya dengan Perdana Menteri Greece dan mempelawa beliau agar merundingkan perkara itu.

Kami mahu melihat Cyprus menjadi anggota penuh OIC berbanding status pemerhati dan kami harapkan sokongan Malaysia dalam hal ini. Ini sudah saya nyatakan kepada Dr Mahathir dan beliau menyokongnya.

SOALAN: Apakah prospek jangka panjang hubungan Turki dengan Greece? Bagaimanakah hubungan Turki dengan Iran, Iraq (tidak ada kerajaan), Amerika dan Israel? Apakah hubungan dengan Israel semakin erat atau kekal

sebagaimana sebelum ini?

ERDOGAN: Saya terpaksa berterus-terang dan terbuka mengenai perkara ini.

Kita tidak mahu mencari musuh baru tetapi menjalin persahabatan baru bagi

Turki dan kami sudah mula menimbang semula dan menganalisis hubungan

kami

dengan negara jiran kami dan sentiasa mencari jalan untuk mengeratkan lagi

hubungan dan mewujudkan keamanan dan ketika ini kami meluaskan hubungan dengan Iran, Syria yang berkongsi sempadan dengan kami dan begitu juga dengan Israel. Sebagai contoh saya sudah pun nyatakan kepada kedua-dua belah pihak Palestin dan Israel bahawa kami bersedia bertindak sebagai tuan rumah atau pengantara bagi mewujudkan perdamaian dan kemakmuran di rantau itu. Saya juga sudah nyatakan ini kepada Presiden George W Bush dan

kita mungkin boleh adakan sidang damai pertama di Turki dan saya sudah pun

beritahu hal ini kepada Ariel Sharon dan Abbas. Kami berharap akan dapat mengatasi segala halangan dan menjayakan persidangan itu.

SOALAN: Apakah anda fikir pelan damai itu akan mencapai kejayaan? Sebagaimana kami, saya tahu anda juga mahu melihat penubuhan negara Palestin secepat mungkin.

ERDOGAN: Pelan damai itu hanyalah satu rancangan mencari keamanan dan jika kedua-dua belah pihak mengikut syaratnya, ia akan mencapai kejayaan.